



36
Kanak-kanak rentung dalam kebakaran rumah di Tanah Merah



30
Isi rumah bawah RM4,000 layak dapat air percuma di Selangor



31
50 jam angkat lori terbalik di Bagan Serai

'Duit 1MDBlah, Bro!'

AWANG tak ikut sangat perbincaraan kes Bosku Datuk Seri Najib Razak di mahkamah. Kes itu rumit sangat. Banyak selok beloknya yang Awang tak reti. Bagi Awang yang tak berduit ni, bila dengar cerita berbilion-bilion ringgit terlibat, Awang naik seram sejuk rasa badan.

Habis terbongkar kisah dalam IMDB dalam perbincaraan di mahkamah Awang tertarik sangat dengan cerita beberapa orang kanan dan kiri DS Bosku Najib dalam kes itu. Kadang-kadang Awang rasa macam tengok sinetron dari Indonesia. Bukan main hebat dramanya.

Ada satu cerita daripada Datuk Amhari Efendi yang Awang tertarik sangat. Ini tentang kenyataan Allahyarham Datuk Azlin Alias, setiausaha sulit DS Bosku Najib. Bila dapat tahu bahawa duit 1MDB kena kebas Allahyarham kata: "Duit 1MDBlah, Bro!"

Awang terkejut betul bila Amhari keluaran cerita itu. Maksudnya orang dalam pejabat Bosku DS Najib pun



masa itu tak boleh buat apa-apa. Orang di belakang kes ini tentulah Jho Low, budak muda yang boleh yakinkan DS Bosku Najib untuk beri kepercayaan penuh padanya.

Hebat betul Si Jho Low ni. Nampaknya besar betul pengaruhnya dalam syarikat 1MDB. Kalau ikut keterangan Amhari dan seorang lagi saksi, Datuk Shahrol Azral, semua orang dengar cakap dia. Apa yang dia hendak semua dapat. Dia boleh tukar minit mesyuarat dan cadangkan kandungan minit mesyuarat.

Kita jangan lupa, orang inilah yang bertanggungjawab menumbangkan sebuah kerajaan!

Awang nak cadangkan Bosku DS Najib guna pakai slogan "Duit 1MDBlah, Bro!" untuk ganti "Apa Malu Bosku!"

'IGP, Kita Caya Lu!'

DUA tiga hari lepas Awang tengok Tan Sri Abdul Hamid Bador, IGP kita diwawancara oleh tokoh wartawan kita, Tan Sri Johan Jaaffar di TV.

Awang angkat topi kat TS IGP, dia nampak jujur dan terus terang. Orang macam inilah yang kita mahukan untuk pimpin pasukan polis.

Awang nampak sangat kejujuran dan ketulusannya. Dia kata dia bukan gila kuasa, dia cuma nak buat kerja.

TS IGP juga kata janganlah bebankan beliau dan PDRM dengan hal-hal yang remeh. Mereka ada kerja besar nak jaga keselamatan negara.

Awang dengar beliau kata siapa pun dalam PDRM tak boleh dekat dengan mana-mana elemen penjenayah dan kongsi gelap. IGP juga minta bos-bos dalam polis tunjuk contoh yang baik. Beliau kata, kalau buat salah, ambillah tindakan ke atas dirinya sekali pun.

TS IGP juga kata cabaran paling besar bagi beliau adalah menghadapi segelintir manusia yang sombong dan pen-

tingan diri. Mereka tak kira sensitiviti orang lain. Mereka akan guna apa sahaja untuk tujuan itu. Ini termasuklah menggunakan media sosial untuk menimbulkan kebencian ke atas bangsa dan agama orang lain.

Soal perkauman pun makin serius masa ini. TS IGP bagi amaran, polis akan ambil tindakan ke atas siapa sahaja yang menjadi ancaman pada keharmonian rakyat berbilang kaum.

Awang rasa TS IGP yang baru ini dah buat tekad nak pulihkan imej polis. Nak bersihkan polis daripada segelintir anggota yang rasuah dan salah guna kuasa. Beliau pernah kena peti sejuk oleh sebab tidak bersetuju dengan tindakan bos-bos terdahulu, baik dalam polis atau dalam politik. Awang rasa kita perlu sokong beliau sepenuhnya.

Kita semua faham tugas polis yang semakin mencabar pada masa ini. Penjenayah bukan macam dulu, sekarang dah canggih. Nak lawan mereka pun kena cara canggih juga.

Awang doakan Tan Sri IGP akan berjaya.

KPKT serah kepada polis

SHAH ALAM - Masyarakat diingatkan supaya tidak memolitikkan atau memaikan sentimen perkauman dan agama berhubung keputusan inkuies kematian Muhammad adib Mohd Kassim oleh Mahkamah Koroner Shah Alam semalam.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin turut menzahirkan rasa puas hati terhadap keputusan mahkamah itu berkata, Kementerian serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah menggunakan seluas-luasnya saluran yang ada untuk memastikan kes kematian Muhammad adib diadili sebaik-baiknya.

"Saya amat bersyukur

dengan keputusan Mahkamah Koroner hari ini (semalam) setelah prosiding inkuies diadakan selama kira-kira tiga bulan.

"Saya serahkan kepada pihak polis untuk tindakan selanjutnya. Saya berharap rakyat Malaysia dapat menerima keputusan ini dengan baik dan pembunuh sebenar Muhammad adib dapat diheret ke muka pengadilan," katanya kepada pemberita di luar Kompleks Mahkamah Shah Alam di sini.

Mengulas mengenai keluarga Muhammad Adib, Zuraida berkata, beliau akan berjumpa dengan mereka khususnya bapa anggota bomba itu, Mohd Kassim Abdul Hamid dalam masa terdekat.



Zuraida (tengah) mengadakan sidang akhbar selepas keputusan Inkuies bagi menentukan punca kematian anggota bomba Muhammad Adib di Mahkamah Koroner Shah Alam semalam.

Mahu pelaku diheret ke muka pengadilan


Muhammad Adib lambang kesetiaan, pengorbanan dan dedikasi penjawat awam

NOOR AZLIDA ALIMIN

SHAH ALAM

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mahu pelaku yang bertanggungjawab terhadap kematian Allahyarham Muhammad Adib Mohd Kassim dibawa ke muka pengadilan. Ketua Pengarahnya, Datuk Mohammad Hamdan Wahid berkata, individu yang terlibat perlu dibicarakan mengikut proses perundangan berteraskan prinsip keadilan.

Selepas mendengar keputusan inkuies di Mahkamah Koroner pagi semalam, beliau turut mengucapkan tahniah kepada barisan peguam Al-



Muhammad Adib cedera parah dibelasah perusuh pada malam 27 November tahun lalu.

lahyarham Muhammad Adib yang berusaha demi membuktikan keadilan berpihak kepada anggota keselamatan terbabit.

"Tahniah, ALLAH jua dapat membalas jasa panel peguam yang memperjuangkan keadilan untuk Allahyarham.

"Terima kasih juga kepada masyarakat di atas keprihatinan yang berterusan tanpa berbelah bahagi dalam mendoakan agar kes inkuies Allahyarham dijalankan dengan baik

dan keadilan diberi sewajarnya," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Mohammad Hamdan berkata, Allahyarham Muhammad Adib adalah simbol yang melambangkan kesetiaan, komitmen, pengorbanan dan dedikasi seluruh penjawat awam di negara ini.

Katanya, Allahyarham tetap menunaikan amanah dan tanggungjawab kepada agama, bangsa dan negara sehingga ke akhir hayatnya.